1 Januari 2012
1 January 2012
P.U. (A) 1

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012

PUBLIC OFFICERS (APPOINTMENT, PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE) REGULATIONS 2012

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Pemakaian tatacara pelantikan
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELANTIKAN

5. Pelantikan mengikut skim perkhidmatan
6. Pelantikan warganegara sahaja
7. Pelantikan semula seseorang yang telah meletakkan jawatan
8. Pelantikan semula seseorang yang dikehendaki bersara
9. Pelantikan semula seseorang yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja
10. Pelantikan pegawai ke dalam skim perkhidmatan yang lain
11. Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu
12. Peminjaman pegawai
13. Pertukaran sementara

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN III

PENGAMBILAN

Peraturan

14. Tatacara pengambilan
15. Tatacara tapisan
16. Butiran pengambilan
17. Kelayakan setaraf
18. Permohonan daripada pegawai
19. Tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya
20. Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji
21. Tapisan keselamatan
22. Akuan setuju terima

BAHAGIAN IV

TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

23. Tarikh pelantikan
24. Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai sementara
25. Penentuan gaji permulaan
26. Gaji permulaan bagi kes khas
27. Pergerakan gaji tahunan

BAHAGIAN V

TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

28. Tempoh percubaan
29. Syarat pengesahan
30. Pelanjutan tempoh percubaan
31. Tarikh pengesahan
32. Kesan pelanjutan tempoh percubaan dengan denda

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Peraturan

33. Pemberitahuan tentang pengesahan

BAHAGIAN VI

KEKANANAN

34. Kaedah penetapan kekananan
35. Kekananan pegawai yang kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulunya
36. Kekananan pegawai yang diluluskan cuti tanpa gaji dan tidak hadir bertugas

BAHAGIAN VII

OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

37. Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
38. Pemberian taraf berpencen

BAHAGIAN VIII

KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

39. Asas kenaikan pangkat
40. Syarat kenaikan pangkat
41. Kenaikan pangkat pegawai yang dalam peminjaman atau pertukaran sementara
42. Pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat
43. Tarikh kenaikan pangkat
44. Penentuan gaji kenaikan pangkat
45. Tarikh pergerakan gaji jawatan kenaikan pangkat
46. Pemangkuan dan penanggungan kerja
47. Elaun pemangkuan dan penanggungan kerja

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IX

PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

Peraturan

48. Penamatan perkhidmatan pegawai yang belum disahkan

49. Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal tapisan keselamatan

50. Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal disahkan

51. Kuasa menamatkan perkhidmatan

52. Peluang untuk menunjukkan sebab

53. Notis penamatan perkhidmatan

54. Notis peletakan jawatan

55. Kuat kuasa notis peletakan jawatan

56. Pemendekan notis peletakan jawatan

57. Peletakan jawatan tidak perlu

BAHAGIAN X

PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

58. Pelantikan pegawai kontrak

59. Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai kontrak

BAHAGIAN XI

UMUR

60. Umur dan tarikh lahir

61. Umur persaraan

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

62. Kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Peraturan

63. Kecualian dan peralihan

64. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Pemakaian

2. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian X Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan perkhidmatan dalam perkhidmatan awam.

Pemakaian tatacara pelantikan

3. (1) Tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini bagi membuat pelantikan ke dalam perkhidmatan awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya hendaklah terpakai bagi semua pelantikan tetap atau sementara kecuali pertukaran pelantikan, pertukaran tetap atau apa-apa pelantikan lain yang diputuskan oleh Suruhanjaya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Bagi maksud peraturan ini–

(a) "pertukaran pelantikan" ertinya pelantikan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke perkhidmatan awam Persekutuan, perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau skim perkhidmatan lain tanpa terikat dengan proses pelantikan biasa berikutan pembubaran sesuatu agensi di bawah mana-mana perkhidmatan berkenaan, penjumudan sesuatu skim perkhidmatan dan pemansuhan jawatan, atau atas permohonan pegawai, atau atas sebab-sebab lain yang diputuskan oleh Kerajaan selain daripada pengkorporatan atau penswastaan; dan

(b) "pertukaran tetap" ertinya pelantikan tetap pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke jawatan yang disandang olehnya di agensi dia dipinjamkan atau ditukarkan sementara.

Tafsiran

4. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"kenaikan pangkat" ertinya peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

"Ketua Jabatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya, dan sesuatu jabatan itu termasuklah—

(a) sesuatu Kementerian;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;

(c) sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan

(d) mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

"Ketua Perkhidmatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Perkhidmatan;

"lantikan terus" ertinya pelantikan di gred naik pangkat dalam sesuatu skim perkhidmatan;

"Lembaga Kenaikan Pangkat" ertinya Suruhanjaya, mana-mana orang atau apa-apa Lembaga Kenaikan Pangkat sebagaimana yang diberi kuasa mengikut undang-undang untuk menaikkan pangkat seseorang pegawai;

"pegawai" ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak;

"pelantikan" ertinya pelantikan ke dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak, termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana skim perkhidmatan;

"pemangkuan" berhubung dengan pegawai, ertinya pelaksanaan tugas secara sepenuh masa suatu jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

pegawai itu dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama, dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

"peminjaman" ertinya pelantikan seseorang pegawai di bawah—

(a) angkatan tentera;

(b) perkhidmatan kehakiman dan perundangan;

(c) perkhidmatan awam am persekutuan;

(d) pasukan polis; atau

(e) perkhidmatan pelajaran,

menurut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia, untuk tempoh masa tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan hakikinya, termasuklah pelantikan pegawai di bawah perkhidmatan bersama yang disebut dalam Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau organisasi di dalam atau di luar Malaysia;

"penanggungan kerja" berhubung dengan pegawai, ertinya pelaksanaan tugas, di samping tugasnya sendiri bagi suatu tempoh yang dinyatakan, suatu jawatan lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

"pengamal perubatan berdaftar" ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], sama ada pegawai perubatan kerajaan atau swasta;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"perkhidmatan awam" ertinya perkhidmatan awam Persekutuan, iaitu perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan awam am persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran menurut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;

"pertukaran sementara" ertinya pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah—

(a) angkatan tentera;

(b) perkhidmatan kehakiman dan perundangan;

(c) perkhidmatan awam am persekutuan;

(d) pasukan polis; atau

(e) perkhidmatan pelajaran,

menurut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau pelantikan seseorang pegawai ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah pihak berkuasa melantik yang sama untuk tempoh masa tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan hakikinya;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN II

PELANTIKAN

Pelantikan mengikut skim perkhidmatan

5. (1) Semua pelantikan ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada masa itu.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), jika apa-apa syarat yang dinyatakan dalam mana-mana skim perkhidmatan perlu dipinda, Ketua Perkhidmatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebelum pindaan tersebut dibuat.

Pelantikan warganegara sahaja

6. (1) Semua calon bagi pelantikan ke dalam perkhidmatan awam mestilah warganegara Malaysia.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Yang di-Pertuan Agong boleh, atas alasan kepentingan negara, membenarkan pelantikan seseorang yang bukan warganegara secara kontrak dan peruntukan dalam Bahagian X hendaklah terpakai kepada pegawai itu.

Pelantikan semula seseorang yang telah meletakkan jawatan

7. Seseorang yang telah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan awam boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.

Pelantikan semula seseorang yang dikehendaki bersara

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), seseorang yang dikehendaki bersara dari perkhidmatan awam boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Dalam peraturan ini, "dikehendaki bersara" ertinya persaraan atas sebab kesihatan, persaraan kerana dilantik memasuki pertubuhan atau persaraan atas keputusan Kerajaan mengikut undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

(3) Seseorang yang telah dibersarakan dari perkhidmatan awam atas sebab kesihatan boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam jika dia disahkan sihat dari segi perubatan dan berkeupayaan melaksanakan tugas dengan memuaskan oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan Suruhanjaya.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), panel perubatan itu hendaklah terdiri tidak kurang daripada dua orang pengamal perubatan berdaftar yang salah seorang daripada mereka ialah pakar dalam penyakit yang pernah dihidapi oleh pesara itu.

Pelantikan semula seseorang yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja

9. Seseorang yang telah ditamatkan dari perkhidmatan awam atau dibuang kerja tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam kecuali dengan kebenaran khas Suruhanjaya.

Pelantikan pegawai ke dalam skim perkhidmatan yang lain

10. Pegawai boleh dilantik ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain jika dia memenuhi syarat yang dikehendaki oleh skim perkhidmatan yang lain itu.

Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu

11. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di skim perkhidmatan terdahulunya sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, boleh dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk kembali ke dalam skim perkhidmatan dan gred terdahulunya jika–

(a) pegawai itu gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan di skim perkhidmatan yang lain itu, dengan syarat kegagalannya

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

bukanlah atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan; atau

(b) pegawai itu memohon untuk kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya, dengan syarat dia telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu.

(2) Suruhanjaya boleh membenarkan pegawai itu kembali ke dalam skim perkhidmatan dan gred terdahulunya sebelum disahkan dalam perkhidmatan di skim perkhidmatan yang lain itu jika—

(a) ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulunya;

(b) kelulusan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperoleh; dan

(c) jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa melantik yang sama.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), pegawai itu hendaklah, pada tarikh dia kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya, diberikan mata gaji atau amaun gaji yang pegawai itu patut terima sekiranya dia tidak dilantik ke jawatan sekarang, tertakluk kepada tangga gaji maksimum dalam jawatan terdahulunya. Tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai itu adalah berdasarkan tarikh pergerakan gaji tahunan skim perkhidmatan terdahulu.

Peminjaman pegawai

12. (1) Pegawai yang dilantik secara tetap boleh, dengan persetujuannya, persetujuan Ketua Jabatannya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, dipinjamkan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, kepada mana-mana perkhidmatan awam

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Negeri, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Suruhanjaya boleh mempertimbangkan seseorang pegawai perkhidmatan awam Negeri untuk dipinjamkan kepada perkhidmatan awam tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan boleh mempertimbangkan seseorang pegawai pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan untuk dipinjamkan kepada perkhidmatan awam, tertakluk kepada persetujuan pegawai berkenaan, pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan pihak yang kepadanya pegawai itu dipinjamkan dan apa-apa syarat serta bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

Pertukaran sementara

13. Pegawai yang dilantik secara tetap boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, dilantik secara pertukaran sementara kepada mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

BAHAGIAN III
PENGAMBILAN

Tatacara pengambilan

14. (1) Apa-apa pengambilan ke dalam perkhidmatan awam hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian bahasa Melayu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Bagi maksud subperaturan (1), iklan itu hendaklah menyatakan, antara lain—

(a) nama jawatan dan taraf pelantikan;

(b) nama skim perkhidmatan;

(c) butiran gaji;

(d) kelayakan akademik dan kelayakan lain yang dikehendaki;

(e) taraf kewarganegaraan pemohon;

(f) tarikh tutup permohonan; dan

(g) alamat ke mana permohonan patut dikirimkan.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh menggunakan apa-apa cara lain yang difikirkannya sesuai untuk mengiklankan pengambilan.

Tatacara tapisan

15. Suruhanjaya boleh melaksanakan tatacara tapisan mengikut profil atau tatacara tapisan lain yang sesuai bagi maksud mendapatkan calon yang terbaik untuk dilantik dalam perkhidmatan awam.

Butiran pengambilan

16. (1) Ketua Perkhidmatan hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya apa-apa butiran yang dikehendaki bagi tiap-tiap urusan pengambilan seperti yang berikut:

(a) bilangan jawatan kosong yang perlu diiisi;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) bilangan calon simpanan yang dikehendaki;

(c) syarat khas, jika ada; dan

(d) perihal tugas dan tanggungjawab bagi jawatan kosong itu.

(2) Jika kelayakan atau syarat dalam skim perkhidmatan bagi jawatan kosong itu perlu dipinda bagi urusan pengambilan itu, Ketua Perkhidmatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebelum memaklumkan Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki oleh subperaturan (1).

Kelayakan setaraf

17. Jika ada keraguan dalam mana-mana skim perkhidmatan atau iklan kekosongan tentang maksud kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan bidang yang dikehendaki dalam skim perkhidmatan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk penentuan.

Permohonan daripada pegawai

18. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan, dan Suruhanjaya boleh mendapatkan ulasan daripada Ketua Jabatan jika diperlukan.

Tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya

19. (1) Suruhanjaya hendaklah membuat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya sama ada secara terus atau melalui Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya. Suruhanjaya juga hendaklah memaklumkan calon yang tidak berjaya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suruhanjaya boleh mengarahkan Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan untuk membuat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya bagi pihak Suruhanjaya, dan Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan yang telah diarahkan sedemikian hendaklah menghantarkan kepada Suruhanjaya satu salinan surat tawaran pelantikan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan itu.

(3) Setiap surat tawaran pelantikan hendaklah menyatakan apa-apa maklumat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan surat aku janji

20. (1) Tiap-tiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mematuhi syarat pelantikan yang berikut:

(a) calon itu hendaklah diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar; dan

(b) calon itu hendaklah membuat suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*] bahawa dia—

(i) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;

(ii) tidak pernah dibuang kerja;

(iii) bukannya penagih dadah;

(iv) tidak memiliki kewarganegaraan asing;

(v) bukan seorang bankrap;

(vi) tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(vii) tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.

(2) Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa akuan lain selain akuan yang ditetapkan dalam perenggan (1)*(b)*, jika perlu.

(3) Tiap-tiap calon hendaklah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bahawa dia akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P. U. (A) 395/1993*], Perintah-Perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan awam.

(4) Pegawai yang telah mematuhi syarat di subperaturan (1) boleh dikehendaki mematuhi syarat itu semula apabila dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain.

(5) Suruhanjaya boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon itu didapati tidak sihat setelah diperiksa mengikut perenggan (1)*(a)* atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang disebut dalam perenggan (1)*(b)* dan subperaturan (3).

(6) Bagi maksud subperaturan (5), mana-mana calon yang telah mula berkhidmat boleh dibayar apa-apa emolumen bagi tempoh perkhidmatannya sebelum tawaran perkhidmatannya dibatalkan.

(7) Bagi maksud pelantikan calon di bawah subperaturan 6(2), syarat dalam subperenggan (1)*(b)*(iv) dan (vii) adalah tidak terpakai bagi calon itu.

(8) Walau apa pun perenggan 1*(a)*, Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai yang sedang berkhidmat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

mengemukakan maklumat kesihatan yang disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar apabila Ketua Jabatan berpandangan terdapat keperluan perkhidmatan.

Tapisan keselamatan

21. Pegawai yang dilantik untuk kali pertama atau pegawai yang dilantik ke skim perkhidmatan yang lain dikehendaki lulus tapisan keselamatan sebagaimana yang ditetapkan sekiranya ditetapkan sedemikian dalam mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

Akuan setuju terima

22. Ketua Jabatan hendaklah menghantar kepada Suruhanjaya akuan setuju terima tawaran pelantikan daripada calon, berserta dengan perakuan oleh pengamal perubatan berdaftar, akuan berkanun dan Surat Aku Janji yang dikehendaki di bawah subperaturan 20(1) dan (3) dan hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tarikh calon itu melaporkan diri untuk bertugas.

BAHAGIAN IV

TARIKH PELANTIKAN, GAJI PERMULAAN DAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Tarikh pelantikan

23. (1) Tarikh pelantikan seseorang pegawai ke dalam perkhidmatan awam ialah tarikh dia melaporkan diri untuk bertugas, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Suruhanjaya.

(2) Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan tidak boleh menerima mana-mana pegawai yang melaporkan diri untuk bertugas jika pegawai itu belum mematuhi syarat pelantikan di subperaturan 20(1).

(3) Bagi maksud subperaturan (2), pegawai itu masih tertakluk kepada tempoh maksimum melaporkan diri untuk bertugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam surat tawaran pelantikan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Tarikh pelantikan tetap bagi pegawai sementara

24. Jika seseorang pegawai sementara yang mematuhi semua syarat yang dinyatakan bagi mana-mana skim perkhidmatan dilantik untuk mengisi mana-mana jawatan tetap yang kosong dalam skim perkhidmatan itu, tarikh pelantikan pegawai itu ke dalam jawatan tetap tersebut adalah pada tarikh Suruhanjaya bermesyuarat dan meluluskan pelantikan tetap itu.

Penentuan gaji permulaan

25. (1) Suruhanjaya hendaklah menentukan gaji permulaan seseorang pegawai sebagaimana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

(2) Jika seseorang pegawai yang akan dilantik untuk kali pertama memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang akan disandangnya, dia boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi.

(3) Jika Suruhanjaya mempertimbangkan gaji permulaan yang lebih tinggi di bawah subperaturan (2), penentuan gaji yang lebih tinggi itu hendaklah berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman kerja yang berkaitan itu, terhad kepada gaji maksimum di gred jawatan tersebut.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Suruhanjaya mempunyai budi bicara untuk menentukan sebahagian atau sepenuhnya bilangan tahun pengalaman kerja yang berkaitan untuk diambil kira bagi menentukan gaji permulaan yang lebih tinggi.

(5) Pengalaman kerja yang dianggap berkaitan bagi seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional ialah pengalaman kerja yang diperoleh selepas pegawai itu mendapat kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(6) Subperaturan (2), (3) dan (4) hendaklah juga terpakai—

(a) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai yang belum disahkan yang kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain; dan

(b) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai yang dilantik semula mengikut peraturan 7, 8 dan 9.

(7) Jika seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu adalah pada mata gaji yang lebih tinggi dan paling hampir yang perbezaannya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, terhad kepada mata gaji maksimum jawatan baru.

(8) Jika seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dilantik ke jawatan lain pada tarikh yang sama atau lebih awal dari tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada, hendaklah diberi terlebih dahulu, terhad kepada amaun gaji maksimum di gred tersebut sebelum menentukan gaji permulaan pelantikan itu.

(9) Gaji permulaan pegawai yang dilantik untuk kali pertama secara lantikan terus adalah berdasarkan mata gaji minimum jawatan itu.

(10) Gaji permulaan pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan yang dilantik secara lantikan terus adalah sebagaimana dalam subperaturan (9).

(11) Gaji permulaan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik secara lantikan terus adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (7).

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Gaji permulaan bagi kes khas

26. Walau apa pun peraturan 25, Suruhanjaya boleh menentukan bahawa gaji permulaan bagi seseorang pegawai adalah pada mana-mana mata gaji atau suatu amaun gaji tertentu bagi suatu jawatan tertentu setelah mengambil kira—

(a) kelayakan khas atau bakat pegawai itu; atau

(b) hal keadaan khas yang diputuskan oleh Kerajaan berhubung dengan pelantikan pegawai itu.

Pergerakan gaji tahunan

27. (1) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai lantikan tetap dan sementara hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh, dalam keadaan tertentu, menentukan tarikh pergerakan gaji seseorang pegawai pada tarikh yang difikirkannya sesuai.

(3) Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai yang dalam tempoh peminjaman atau pertukaran sementara hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai hendaklah berasaskan pencapaian kerja tahunan pegawai itu atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN V

TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Tempoh percubaan

28. (1) Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam percubaan bagi tempoh enam bulan hingga dua puluh empat bulan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh, dalam hal keadaan khas, memendekkan tempoh percubaan seseorang pegawai atau mengecualikan seseorang pegawai daripada tempoh percubaan.

Syarat pengesahan

29. (1) Pegawai yang dalam tempoh percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa adalah layak disahkan dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya.

(2) Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, sama ada memperakukan atau tidak memperakukan pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai itu.

(3) Jika seseorang pegawai diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan perakuan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dalam tempoh satu bulan dari tarikh pegawai itu layak diperakukan untuk pengesahan, dengan syarat perakuan itu dikemukakan tidak kurang dari tempoh percubaan minimum.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Jika seseorang pegawai tidak diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya perakuan untuk tidak mengesahkan pegawai itu dalam perkhidmatan sebagaimana dalam Jadual Ketiga.

(5) Jika Ketua Jabatan gagal mengemukakan perakuan bagi pengesahan seseorang pegawai mengikut subperaturan (3), pegawai itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk disahkan dan suatu salinan permohonan itu hendaklah dihantar kepada Ketua Jabatan.

(6) Setelah menerima permohonan di bawah subperaturan (5), Suruhanjaya boleh menjalankan suatu siasatan dan apabila selesai siasatan itu mengesahkan pegawai itu jika Suruhanjaya mendapati dia layak untuk disahkan.

(7) Walau apa pun subperaturan (2), Suruhanjaya tidak terikat dengan perakuan Ketua Jabatan dalam mengesahkan seseorang pegawai dalam perkhidmatan.

(8) Jika ada apa-apa syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang perlu dipinda disebabkan hal keadaan khas, Ketua Perkhidmatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya.

Pelanjutan tempoh percubaan

30. (1) Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh percubaan seseorang pegawai, sama ada dengan atau tanpa denda, setelah melalui tempoh percubaan maksimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

(2) Jika seseorang pegawai belum memenuhi syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan selepas melalui tempoh percubaan maksimum yang ditetapkan, pegawai boleh mengemukakan suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh percubaannya kepada Suruhanjaya melalui Ketua Jabatannya sebaik sahaja tamat tempoh percubaan maksimumnya itu, dengan syarat Ketua Jabatan masih belum

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

mengemukakan perakuan untuk tidak mengesahkan pegawai itu dalam perkhidmatan di bawah subperaturan 29(4).

(3) Sekiranya Ketua Jabatan bersetuju untuk memperakukan permohonan pegawai, Ketua Jabatan hendaklah dengan segera mengemukakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut subperaturan (2) kepada Suruhanjaya dengan menyatakan butir-butir seperti yang berikut:

(a) sebab pegawai itu tidak disahkan dalam perkhidmatan;

(b) syor Ketua Jabatan sama ada tempoh percubaan patut dilanjutkan, dengan atau tanpa denda;

(c) butiran perkhidmatan pegawai yang dikemas kini; dan

(d) senarai peperiksaan, jika ada, yang telah diduduki oleh pegawai itu, tarikh dan keputusan peperiksaan itu.

(4) Suruhanjaya akan hanya meluluskan permohonan pelanjutan tempoh percubaan yang dikemukakan mengikut subperaturan (3) jika ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pegawai itu berupaya mematuhi syarat-syarat bagi pengesahan semasa tempoh pelanjutan yang dipohon itu dan Ketua Jabatan mengesyorkan bahawa tempoh percubaan pegawai itu patut dilanjutkan.

(5) Tempoh percubaan seseorang pegawai hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua belas bulan, tetapi Suruhanjaya boleh dalam hal keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan melebihi dua belas bulan jika difikirkan patut.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(6) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya berkenaan dengan permohonan pelanjutan tempoh percubaan seseorang pegawai hendaklah disampaikan kepada pegawai itu oleh Suruhanjaya dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan.

Tarikh pengesahan

31. (1) Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai adalah pada hari pertama selepas tarikh pegawai itu mematuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.

(2) Seseorang pegawai hendaklah disifatkan berada dalam percubaan sehinggalah pegawai itu disahkan dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya, walaupun pegawai itu telah mematuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.

Kesan pelanjutan tempoh percubaan dengan denda

32. Seseorang pegawai yang tempoh percubaannya dilanjutkan dengan denda hendaklah—

(a) hilang kekananannya bagi suatu tempoh yang sama dengan tempoh pelanjutan itu;

(b) tidak layak mendapat apa-apa pergerakan gaji tahunan semasa dalam tempoh pelanjutan percubaannya; dan

(c) tertakluk kepada tarikh pengesahannya, diubah tarikh pergerakan gaji tahunan semasa ke tahun berikutnya.

Pemberitahuan tentang pengesahan

33. Suruhanjaya hendaklah dengan segera memberitahu seseorang pegawai tentang pengesahannya dalam perkhidmatan melalui Ketua Jabatan pegawai itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN VI

KEKANANAN

Kaedah penentuan kekananan

34. (1) Kekananan seseorang pegawai ditentukan seperti yang berikut:

(a) bagi seseorang pegawai dalam gred lantikan atau gred lantikan terus, mengikut tarikh pegawai itu dilantik secara tetap; dan

(b) bagi seseorang pegawai dalam gred kenaikan pangkat, mengikut tarikh pegawai itu menyandang gred itu secara hakiki.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika dua atau lebih pegawai dilantik secara tetap atau dinaikkan pangkat ke gred yang sama dalam skim perkhidmatan yang sama pada tarikh yang sama, kekananan pegawai itu disifatkan sebagai sama.

Kekananan pegawai yang kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulunya

35. Pegawai yang kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulunya mengikut subperaturan 11(1) hilang kekananannya selama tempoh pegawai itu berada di luar skim perkhidmatan terdahulunya.

Kekananan pegawai yang diluluskan cuti tanpa gaji dan tidak hadir bertugas

36. (1) Seseorang pegawai akan hilang kekananannya dalam hal keadaan yang berikut:

(a) diluluskan cuti tanpa gaji, selain cuti belajar tanpa gaji selama tempoh dia bercuti tanpa gaji; atau

(b) tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama tempoh ketidakhadirannya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Walau apa pun perenggan (1)*(b)*, kuasa pihak berkuasa tatatertib untuk mengenakan apa-apa tindakan tatatertib terhadap pegawai yang didapati tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah adalah tidak terjejas.

BAHAGIAN VII

OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Opsyen bagi Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

37. (1) Seseorang pegawai yang berhasrat untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6A Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau undang-undang pencen yang berkuat kuasa hendaklah, sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan, melaksanakan pilihannya dengan menggunakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Pegawai yang telah memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada jawatan terdahulu dan dilantik ke jawatan lain dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun atau pihak berkuasa tempatan hendaklah tertakluk kepada subperaturan (1).

Pemberian taraf berpencen

38. (1) Seseorang pegawai yang tidak memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengikut peraturan 37 layak diberi taraf berpencen mengikut undang-undang pencen.

(2) Apabila seseorang pegawai menjadi layak untuk diberi taraf berpencen, Ketua Jabatan pegawai itu hendaklah mengemukakan perakuannya dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keenam kepada Suruhanjaya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Pelantikan seseorang pegawai ke suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam secara tetap mengikut peraturan 10 tidak menjejaskan taraf berpencen mengikut undang-undang pencen yang berkuat kuasa, kecuali jika pegawai itu memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja semasa dilantik dalam jawatan lainnya itu.

BAHAGIAN VIII

KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

Asas kenaikan pangkat

39. (1) Kenaikan pangkat seseorang pegawai adalah berasaskan merit.

(2) Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai bagi kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira–

(a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;

(b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;

(c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai itu; dan

(d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.

(3) Sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (2), Lembaga Kenaikan Pangkat boleh mempertimbangkan apa-apa aspek lain yang difikirkannya berkaitan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Walau apa pun subperaturan (1), jika dua atau lebih pegawai diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat, di samping kekananan pegawai itu, hendaklah juga dijadikan asas bagi pemilihan dan pertimbangan.

Syarat kenaikan pangkat

40. (1) Walau apa pun peraturan 39, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai itu telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.

(2) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam keadaan khas boleh mengecualikan syarat-syarat tertentu skim perkhidmatan bagi maksud kenaikan pangkat seseorang pegawai di bawah subperaturan (1).

Kenaikan pangkat pegawai yang dalam peminjaman atau pertukaran sementara

41. Jika seseorang pegawai dalam peminjaman mengikut subperaturan 12(1) atau pertukaran sementara mengikut peraturan 13 telah mematuhi semua syarat bagi kenaikan pangkat, pegawai itu hendaklah dipertimbangkan dalam apa-apa urusan kenaikan pangkat yang dibuat berhubung dengan skim perkhidmatan hakikinya.

Pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat

42. (1) Jika Lembaga Kenaikan Pangkat berpendapat bahawa sesuatu kekosongan jawatan kenaikan pangkat hendaklah diisi dengan menjemput calon yang berkelayakan daripada suatu perkhidmatan tertentu di bawah jabatan tertentu sahaja, Ketua Jabatan hendaklah mengiklankan kekosongan itu melalui pekeliling jabatan atau kaedah lain yang sesuai.

(2) Jika terdapat suatu kekosongan jawatan kenaikan pangkat yang tidak menghendaki suatu pengiklanan, Ketua Jabatan hendaklah membuat perakuan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

kepada Lembaga Kenaikan Pangkat bagi pengisian kekosongan itu dengan memperakukan pegawai yang layak, mengikut skim perkhidmatan, untuk pertimbangan.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), Ketua Jabatan boleh memperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat apa-apa syarat tambahan yang hendak dikenakan agar memperoleh pegawai berkelayakan yang bersesuaian dengan bilangan yang lebih munasabah.

Tarikh kenaikan pangkat

43. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh yang ditentukan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

(2) Bagi kenaikan pangkat ke gred, tarikh itu tidak boleh lebih awal dari tarikh kekosongan jawatan atau tarikh pegawai yang berkenaan layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, mengikut mana-mana yang terkemudian, tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal dari tarikh kenaikan pangkat terakhir bagi gred yang sama dalam urusan sebelumnya.

(3) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan, kecuali jika skim perkhidmatan tidak menyatakan bahawa sesuatu kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, tarikh kenaikan pangkat itu tidak boleh lebih awal dari tarikh pegawai itu diluluskan untuk memangku jawatan itu atau pada tarikh kekosongan jawatan hakiki itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(4) Bagi maksud peraturan ini–

(a) "kenaikan pangkat ke gred" ialah kenaikan pangkat ke mana-mana gred dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) "kenaikan pangkat ke jawatan" ialah kenaikan pangkat ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Penentuan gaji kenaikan pangkat

44. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), gaji yang diterima oleh seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima dalam gred terdahulu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1)–

(a) jika gaji akhir dalam gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, pegawai itu hendaklah dibayar gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat itu;

(b) jika gaji akhir dalam gred terdahulu kurang daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat tetapi perbezaannya adalah kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, gaji permulaan hendaklah ditentukan pada mata gaji atau amaun gaji di gred kenaikan pangkat selepas mata gaji minimum supaya perbezaan antara gaji akhir dalam gred terdahulu dan gaji barunya dalam gred kenaikan pangkat adalah sama atau lebih daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred terdahulunya; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) jika gaji akhir dalam gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum dalam gred kenaikan pangkat, pegawai itu hendaklah dibayar gaji pada satu mata gaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhir yang diterimanya dalam gred terdahulu dan perbezaan gaji antara gaji kenaikan pangkat dan gaji dalam gred terdahulu hendaklah tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu.

(3) Jika seseorang pegawai dinaikkan pangkat sebelum atau sama dengan tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada, hendaklah diberi terlebih dahulu sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

Tarikh pergerakan gaji jawatan kenaikan pangkat

45. Tarikh pergerakan gaji tahunan seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah ditentukan mengikut tarikh kenaikan pangkatnya berkuat kuasa mengikut subperaturan 27(1).

Pemangkuan dan penanggungan kerja

46. Seseorang pegawai boleh, apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan, diarah memangku atau menanggung kerja tugas jawatan lain.

Elaun pemangkuan dan penanggungan kerja

47. Pegawai yang telah diluluskan memangku atau menanggung kerja tugas jawatan lain layak dibayar elaun pemangkuan atau elaun penanggungan kerja mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IX

PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

Penamatan perkhidmatan pegawai yang belum disahkan

48. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan jika pegawai itu telah–

(a) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;

(b) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 20(1)(*b*) dan subperaturan 20(2)*;*

(c) gagal mematuhi kehendak dalam subperaturan 20(3); atau

(d) meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya.

(2) Bagi maksud menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai di bawah perenggan (1)*(a)*, Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai itu menjalani pemeriksaan kesihatan semula atau Ketua Jabatan boleh mendapatkan maklumat kesihatan pegawai itu melalui kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.

Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal tapisan keselamatan

49. (1) Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan atau tempoh percubaan yang dilanjutkan boleh ditamatkan perkhidmatan.

(2) Pegawai yang gagal tapisan keselamatan setelah disahkan dalam perkhidmatan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal disahkan

50. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai dalam percubaan pada pelantikan pertama yang telah gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan semasa tempoh percubaan, sama ada tempoh percubaan asal atau yang dilanjutkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pegawai boleh ditamatkan perkhidmatannya jika dia gagal dalam kursus atau latihan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

(3) Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dalam skim perkhidmatan terdahulunya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi gagal disahkan boleh ditamatkan perkhidmatannya di bawah subperaturan (4). Penamatan di bawah peruntukan ini hendaklah disifatkan sebagai penamatan demi kepentingan awam dan apa-apa hal persaraan akibat penamatan itu adalah tertakluk kepada undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

(4) Bagi maksud subperaturan (5), representasi hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai demi kepentingan awam dengan mengemukakan laporan penuh di mana pegawai itu sedang atau telah berkhidmat.

(5) Laporan yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah mengandungi butir-butir yang berhubungan dengan perkhidmatan pegawai serta ulasan Ketua Jabatan, jika ada.

(6) Jika, setelah menimbang laporan yang diterima di bawah subperaturan (5), Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan dan kebergunaan pegawai itu kepada perkhidmatan, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Yang di-Pertuan Agong bolehlah menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

yang hendaklah ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(7) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, apabila perkhidmatan mana-mana pegawai ditamatkan demi kepentingan awam di bawah peraturan ini, pegawai itu boleh tidak diberikan apa-apa peluang untuk didengar berdasarkan Fasal (2) Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan.

(8) Bagi maksud peraturan ini, perkhidmatan seseorang pegawai, selain yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2), hendaklah ditamatkan sekiranya pegawai itu tidak dapat dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulunya mengikut perenggan 11(1)*(a)*.

(9) Bagi maksud subperaturan (1), "pelantikan pertama" ertinya pelantikan kali pertama ke dalam perkhidmatan awam atau pelantikan semula seseorang pegawai mengikut peraturan 7, 8 dan 9.

Kuasa menamatkan perkhidmatan

51. Pihak yang boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai di bawah peraturan 48, 49 dan 50 hendaklah tidak rendah daripada pihak berkuasa yang melantik atau lembaga pegawai yang telah diwakilkan dengan kuasa oleh Suruhanjaya di bawah Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Peluang untuk menunjukkan sebab

52. Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah peraturan 48 dan 49 dan subperaturan 50(1) dan (2) melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Notis penamatan perkhidmatan

53. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai selepas memberinya suatu notis bertulis atau sebulan gaji sebagai ganti notis jika—

(a) pegawai itu tidak memberi jawapan kepada notis untuk menunjukkan sebab di bawah peraturan 52 dalam tempoh yang ditetapkan; dan

(b) Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tiada sebab yang munasabah wujud untuk tidak menamatkan perkhidmatan pegawai itu.

(2) Bagi maksud peraturan 48, 49 dan 50, tempoh notis bertulis yang dinyatakan dalam subperaturan (1) ialah tiga puluh hari.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bagi pegawai yang dilantik selain pelantikan tetap, tempoh notis bertulis itu hendaklah—

(a) mengikut syarat pelantikan pegawai itu; atau

(b) jika tempoh itu tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikannya, tiga puluh hari.

Notis peletakan jawatan

54. (1) Tertakluk kepada peraturan 56, seseorang pegawai yang berhasrat untuk meletakkan jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis—

(a) bagi pegawai yang dilantik secara tetap, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) bagi pegawai yang dilantik selain dari secara tetap, mengikut syarat pelantikan pegawai itu, atau jika tempoh itu tidak diperuntukkan dalam syarat pelantikannya, tiga puluh hari sebelum peletakan jawatan itu berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis.

(2) Notis peletakan jawatan itu hendaklah dihantar oleh pegawai itu kepada Ketua Jabatan dan Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan akuan terima kepada pegawai itu dan memberikan salinannya kepada Ketua Perkhidmatan apabila menerima notis peletakan jawatan itu.

(3) Ketua Jabatan hendaklah merekodkan peletakan jawatan pegawai itu ke dalam rekod perkhidmatan pegawai itu.

Kuat kuasa notis peletakan jawatan

55. (1) Setiap peletakan jawatan hendaklah berkuat kuasa pada hari yang berikutnya selepas hari yang tempoh notis diberikan oleh pegawai itu tamat.

(2) Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.

Pemendekan notis peletakan jawatan

56. Ketua Jabatan boleh membenarkan tempoh notis peletakan jawatan mana-mana pegawai dipendekkan atas mana-mana sebab yang berikut:

(a) pegawai itu ditawarkan pelantikan ke mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan;

(b) pegawai itu atau pasangannya, anak atau ibu bapa pegawai itu menghidapi masalah kesihatan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) pegawai itu menghadiri kursus atau latihan; atau

(d) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Peletakan jawatan tidak perlu

57. Pegawai yang dilantik secara tetap atau sementara yang dilantik ke dalam perkhidmatan lain dalam perkhidmatan awam, tidak dikehendaki meletakkan jawatan, dengan syarat hendaklah memaklumkan Ketua Jabatannya secara bertulis untuk melepaskan jawatan.

BAHAGIAN X

PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

Pelantikan pegawai kontrak

58. (1) Walau apa pun Bahagian II, Suruhanjaya boleh melantik seseorang pegawai secara kontrak.

(2) Dasar dan tatacara pelantikan bagi pegawai secara kontrak hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan pegawai kontrak

59. Subperaturan 53(3) dan perenggan 54(1)*(b)* hendaklah terpakai bagi penamatan perkhidmatan dan peletakan jawatan seseorang pegawai yang dilantik secara kontrak.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XI

UMUR

Umur dan tarikh lahir

60. (1) Jika sesuatu skim perkhidmatan menetapkan keperluan umur, maka umur yang dimaksudkan itu ialah umur mengikut kalendar Gregorian.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), umur seseorang itu ditentukan mengikut peruntukan yang berikut:

(a) jika tarikh lahir sebenar diketahui, umur hendaklah mengikut tarikh itu;

(b) jika hanya bulan yang diketahui, hari terakhir dalam bulan itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;

(c) jika hanya tahun yang diketahui, 31 Disember tahun itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh lahir;

(d) jika tarikh lahir ialah 29 Februari, maka ulang tahun tarikh lahir orang itu bagi tahun yang tidak mempunyai tarikh 29 Februari hendaklah disifatkan pada 1 Mac.

Umur persaraan

61. Umur persaraan bagi seseorang pegawai adalah seperti yang ditentukan oleh undang-undang pencen.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

Kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

62. (1) Melainkan kuasa yang telah diwakilkan kepadanya, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh, dari semasa ke semasa, secara bertulis, mewakilkan kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada mana-mana pegawai.

(2) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh, dari semasa ke semasa, jika perlu, mengeluarkan panduan untuk menjelaskan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Kecualian dan peralihan

63. (1) Tiada apa-apa jua pun dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh kesahan dan kuat kuasa apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Perintah Am dan peraturan-peraturan terdahulu, dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apa-apa jua yang tidak konsisten atau bertentangan dengan apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semua perkara dan prosiding yang masih belum selesai di hadapan mana-mana Suruhanjaya sebelum berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [*P. U. (A) 176/2005*] seolah-olah Peraturan-Peraturan itu tidak dibatalkan.

(3) Apa-apa panduan yang telah dikeluarkan sebelum berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai selagi ia tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Pegawai dalam tempoh percubaan boleh disahkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, tertakluk kepada pegawai itu telah berkhidmat dalam tempoh percubaan selama enam bulan atau lebih dan memenuhi semua syarat pengesahan selain syarat tempoh percubaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa.

(5) Pegawai dalam tempoh percubaan yang telah berkhidmat dalam tempoh percubaan selama dua puluh empat bulan atau lebih tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dibenarkan menghabiskan baki tempoh percubaan asal mengikut skim perkhidmatan sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa atau baki tempoh percubaan yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya dan pegawai itu boleh disahkan sekiranya telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

Pembatalan

64. (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dibatalkan kecuali subperaturan 26(1) dan 28(6) bagi pegawai yang berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Perintah Am 45 dan 49 Perintah-Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973 hendaklah terus terpakai bagi pegawai yang berada dalam Sistem Saraan Jawatankuasa Khas Kabinet 1976.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL PERTAMA

SURAT AKU JANJI

[subperaturan 20(3)]

Saya, ... No. Kad Pengenalan .....
beralamat di .....
dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, bahawa saya—

(i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;

(ii) akan sentiasa melaksanakan tugas saya sebagai pegawai dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;

(iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;

(iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas awam saya;

(v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi saya sehingga menjejaskan kebergunaan saya sebagai pegawai;

(vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai bagi faedah diri saya sendiri;

(vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;

(viii) tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau tuntutan pegawai lain yang berhubungan dengan perkhidmatan awam; dan

(ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

……..... .....
(Tandatangan Pegawai) (Jawatan Pegawai)

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan)

....
(Tarikh) (Cap Rasmi Jabatan)

JADUAL KEDUA

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

(peraturan 27)

Tarikh pelantikan	*Tarikh pergerakan gaji*
1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari tahun yang berikutnya
1 April hingga 30 Jun	1 April tahun yang berikutnya
1 Julai hingga 30 September	1 Julai tahun yang berikutnya
1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober tahun yang berikutnya

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KETIGA

BORANG PERAKUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

[subperaturan 29(2)]

Saya dengan ini mengesahkan bahawa .....

No. Kad Pengenalan .....:

☐ **diperakukan untuk disahkan** dalam perkhidmatan kerana telah menjalankan tugasnya dengan jujur, tekun dan berkebolehan dan saya berpuas hati dengan sifat peribadi dan kelakuannya.*

atau

☐ **tidak diperakukan untuk disahkan** dalam perkhidmatan kerana .....

.....*

Tandatangan Ketua Jabatan: .....

Nama Ketua Jabatan: .....

Kementerian/Jabatan: .....

Tarikh: .....

**tandakan (✔) dalam kotak berkenaan*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KEEMPAT

BORANG PERAKUAN PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

[subperaturan 30(3)]

Saya dengan ini mengesahkan bahawa .....
No. Kad Pengenalan ..... belum dapat diperakukan untuk disyorkan bagi pengesahan dalam perkhidmatan dan dengan ini mengesyorkan supaya tempoh percubaan pegawai ini dilanjutkan selama …….. bulan/tahun* dengan denda/tanpa denda*. Pegawai belum dapat diperakukan bagi pengesahan dalam perkhidmatan atas sebab-sebab yang berikut:

(a) tidak hadir/gagal* dalam kursus induksi;

(b) tidak hadir/gagal* dalam peperiksaan; (Sila nyatakan tarikh dan keputusan peperiksaan)

(c) sebab-sebab lain:

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

Tandatangan Ketua Jabatan: .....
Nama Ketua Jabatan: .....
Kementerian/Jabatan:……
Tarikh: .....

**potong mana yang tidak berkenaan*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KELIMA

BORANG OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
MENGIKUT SUBSEKSYEN 6A(1) AKTA PENCEN 1980

(peraturan 37)

Kepada: ……..
……..
……..
(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [*P.U. (A) 1/2012*], saya ..... No. Kad Pengenalan ..... yang dilantik sebagai ..... dalam perkhidmatan ..... pada (tarikh) ..... dengan ini membuat opsyen untuk*

☐ memilih SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

atau

☐ menolak SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa jika saya menolak SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, atau mengembalikan borang ini tanpa menyatakan apa-apa pilihan atau menyatakan apa-apa syarat kepada pilihan atau tidak mengembalikan borang opsyen ini mengikut peraturan yang ditetapkan, maka saya hendaklah diberi taraf sebagai pegawai berpencen mengikut Akta Pencen 1980. Saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah dibuat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan: ……..

Nama: ……..

No. Kad Pengenalan: ……..

Jawatan: ……..

Tarikh: ……..

* Tandakan *(✔)*dalam kotak yang berkenaan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Disaksikan oleh: .....

Tandatangan : ..... Cop Rasmi Jabatan:

Nama: .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

JADUAL KEENAM

PERAKUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

(peraturan 38)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa ..... No. Kad Pengenalan ..... telah disahkan dalam jawatannya yang sekarang dan telah genap tempoh selama tidak kurang daripada ..... tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira dan saya dengan ini memperakukan pegawai ini untuk diberi taraf berpencen.

Tandatangan Ketua Jabatan: .....
Nama Ketua Jabatan: .....
Kementerian/Jabatan: .....
Tarikh: .....

Dibuat 29 Disember 2011
[JPA(S)223/8/1; PN(PU2)76/I/V]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HASSAN
Setiausaha JemaahMenteri

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FEDERAL CONSTITUTION

PUBLIC OFFICERS (APPOINTMENT, PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Application of appointment procedures
4. Interpretation

PART II

APPOINTMENT

5. Appointment according to the scheme of service
6. Appointment of citizens only
7. Reappointment of a person who has resigned
8. Reappointment of a person who has been required to retire
9. Reappointment of a person whose service has been terminated or dismissed
10. Appointment of an officer to another scheme of service
11. Reversion to previous scheme of service
12. Secondment of an officer
13. Temporary transfer

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PART III

RECRUITMENT

Regulation

14. Recruitment procedure
15. Vetting procedure
16. Particulars of recruitment
17. Equivalent qualification
18. Application from an officer
19. Offer of appointment by the Commision
20. Health examination, statutory declaration and letter of undertaking
21. Security vetting
22. Acknowledgement of acceptance

PART IV

DATE OF APPOINTMENT, INITIAL SALARY AND ANNUAL SALARY MOVEMENT

23. Date of appointment
24. Date of permanent appointment for a temporary officer
25. Determination of initial salary
26. Initial salary in special cases
27. Annual salary movement

PART V

PROBATION PERIOD, CONFIRMATION OF SERVICE AND EXTENSION OF PROBATION PERIOD

28. Probation period
29. Conditions for confirmation
30. Extension of probation period
31. Date of confirmation
32. Effect of extension of probation period with penalty

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Regulation

33. Notification of confirmation

PART VI

SENIORITY

34. Method of determining seniority

35. Seniority of an officer who reverts to his previous scheme of service

36. Seniority of an officer who is granted leave without pay and absent from duty

PART VII

OPTION FOR EMLOYEES PROVIDENT FUND SCHEME AND CONFERMENT OF PENSIONABLE STATUS

37. Option for Employees Provident Fund Scheme

38. Conferment of pensionable status

PART VIII

PROMOTION, ACTING AND COVERING

39. The basis for promotion

40. Conditions for promotion

41. Promotion of an officer on secondment or temporary transfer

42. Advertisement of a vacancy of a promotional post

43. Date of promotion

44. Determination of promotional salary

45. Date of salary movement in the promotional post

46. Acting and covering

47. Acting and covering allowances

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PART IX

TERMINATION OF SERVICE AND RESIGNATION

Regulation

48. Termination of service of an unconfirmed officer

49. Termination of service of an officer who fails the security vetting

50. Termination of service of an officer who fails to be confirmed

51. Authority to terminate service

52. Opportunity to show cause

53. Notice of termination of service

54. Notice of resignation

55. The coming into effect of resignation notice

56. The shortening of resignation notice

57. Resignation is not required

PART X

APPOINTMENT OF A CONTRACT OFFICER

58. Appointment of a contract officer

59. Termination of service and resignation of a contract officer

PART XI

AGE

60. Age and date of birth

61. Retirement age

PART XI

MISCELLANEOUS

62. Power of the Director General of Public Service

63. Savings and transitional

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Regulation

64. Revocation

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FORTH SCHEDULE

FIFTH SCHEDULE

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FEDERAL CONSTITUTION

PUBLIC OFFICERS (APPOINTMENT, PROMOTION AND TERMINATION OF SERVICE) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by Clause (2) of Article 132 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Public Officers (Appointment, Promotion and Termination of Service) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2012.

Application

2. Subject to the provisions of Part X of the Federal Constitution, these Regulations shall apply to all appointments, promotions and terminations of service in the public service.

Application of appointment procedures

3. (1) The procedures specified in these Regulations for making appointments to a public service under the jurisdiction of a Commission shall apply to all permanent or temporary appointments except for transfers of appointment, permanent transfers or any other appointment as decided by the Commission.

(2) For the purpose of this regulation–

(a) "transfer of appointment" means an appointment to allow an

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

officer to transfer to the public services of the Federation, public service of States, statutory authorities, local authorities or other scheme of service without being bound by the normal appointment process pursuant to the dissolution of an agency under any of the services, scheme of service which has been made obsolete and abolishment of posts, or on the application of an officer, or on other grounds as decided by the Government other than corporatisation or privatisation; and

(b) "permanent transfer" means the permanent appointment of a serving officer on secondment or temporary transfer to the post held by him at the agency where he is seconded or temporarily transfered to.

Interpretation

4. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

"promotion" means substantive upgrading from one grade to a higher grade within the same service and scheme of service with the approval of the Promotion Board;

"Head of Department" means an officer who is heading a department or any officer who is delegated with the powers by the Head of Department in writing to act on his behalf, and a department includes–

(a) a Ministry;

(b) a Federal Department at the federal, regional, state or district level in the Federation;

(c) a Federal Department abroad; and

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) any other entity in the public service as determined by the Director General of Public Service;

"Head of Service" means an officer who is heading a service or any officer determined by the Director General of Public Service to be a Head of Service;

"lateral appointment" means an appointment to a promotion grade in a scheme of service;

"Promotion Board" means the Commission, any person or any Promotion Board as authorized in accordance with the law to promote an officer;

"officer" means all categories of serving officers appointed by the Commission on permanent, temporary or contract basis;

"appointment" means an appointment to the public service by the Commission on permanent, temporary or contract basis, including first appointment and appointment of a serving officer in any scheme of service;

"acting" in relation to an officer, means performing the duties on full time basis of another post which is of a higher grade than the officer's substantive grade in the same service and scheme of service, with the approval of the Promotion Board;

"secondment" means the appointment of an officer under–

(a) the armed forces;

(b) the judicial and legal service;

(c) the general public service of the Federation;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) the police force; or

(e) the education service,

pursuant to Clause (1) of Article 132 of the Federal Constitution to the public service of States, statutory authorities, local authorities, or any organization in or outside Malaysia, for a specific period of time without severing the ties of the officer with his substantive service, including an appointment of an officer under the joint services mentioned in Article 133 of the Federal Constitution to the service of a statutory authority, local authority or organization in or outside Malaysia;

"covering" in relation to an officer, means the performing of duties, besides his own duties for a specified period, of another post which has been approved by the appropriate authority;

"registered medical practitioner" means a medical practitioner registered under the Medical Act 1971 [*Act 50*], whether a government or private medical officer;

"public service" means the public services of the Federation, which are the judicial and legal service, the general public service of the Federation, the police force and the education service pursuant to Clause (1) of Article 132 of the Federal Constitution;

"temporary transfer" means the appointment of an officer to another service under–

(a) the armed forces;

(b) the judicial and legal service;

(c) the general public service of the Federation;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) the police force ; or

(e) the education service,

pursuant to Clause (1) of Article 132 of the Federal Constitution or the appointment of an officer to a post in another scheme of service under the same appointing authority for a specific period of time without severing the ties of the officer with his substantive service;

"Commission" means the Public Services Commission, the Judicial and Legal Service Commission, the Police Force Commission or the Education Service Commission, as the case may be.

PART II

APPOINTMENT

Appointment according to the scheme of service

5. (1) All appointments to the public service shall be in accordance with the conditions specified in the scheme of service for the time being in force.

(2) Subject to subregulation (1), if any condition specified in any scheme of service needs to be amended, the Head of Service shall first obtain the approval of the Director General of Public Service before the amendment is made.

Appointment of citizens only

6. (1) All candidates for appointments to the public service must be citizens of Malaysia.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Yang di-Pertuan Agong may, on the ground of national interest, allow the appointment of a non-citizen on contract basis and the provisions in Part X shall apply to such officer.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Reappointment of a person who has resigned

7. A person who has resigned from the public service may be reappointed to the public service.

Reappointment of a person who has been required to retire

8. (1) Subject to subregulations (2), (3) and (4), a person who has been required to retire from the public service may be reappointed to the public service.

(2) In this regulation, "has been required to retire" means medically boarded out, retirement due to appointment in an organisation or retirement due to the decision of the Government according to the pension laws in force.

(3) A person who has been medically boarded out from the public service may be reappointed to the public service if he has been confirmed to be medically fit and capable of performing his duties satisfactorily by a medical panel established on the request of the Commission.

(4) For the purpose of subregulation (3), the medical panel shall comprise not less than two registered medical practitioners, one of whom is a specialist in the disease which the person who has retired suffered from.

Reappointment of a person whose service has been terminated or dismissed

9. A person who has been terminated from public service or dismissed shall not be reappointed to the public service except with the special permission of the Commission.

Appointment of an officer to another scheme of service

10. An officer may be appointed to a post in another scheme of service if he fulfills the conditions required by the other scheme of service.

Reversion to previous scheme of service

11. (1) Subject to subregulation (2), an officer who has been confirmed in his

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

previous scheme of service before being appointed to another scheme of service, may be allowed by the Commission to revert to his previous scheme of service and grade if–

(a) the officer fails to be confirmed in the other scheme of service, provided that his failure is not due to his unsatisfactory conduct; or

(b) the officer applied to revert to his previous scheme of service, provided that he has undergone the minimum probation period prescribed under the other scheme of service.

(2) The Commission may allow the officer to revert to his previous scheme of service and grade before being confirmed in the other scheme of service if–

(a) there is a vacancy of post in his previous scheme of service;

(b) the approval of the appropriate Head of Service is obtained; and

(c) the post in the previous scheme of service is under the jurisdiction of the same appointing authority.

(3) For the purpose of subregulation (1), the officer shall, on the date of his reinstatement to the previous scheme of service, be given the salary point or salary amount that the officer should have received if he was not appointed to the current post, subject to the maximum salary scale in his previous post. The date of the annual salary movement of the officer is based on the date of the annual salary movement in the previous scheme of service.

Secondment of an officer

12. (1) An officer appointed on a permanent basis may, with his consent, the consent of his Head of Department and with the approval of the Commission, be seconded, subject to such conditions and for such term as may be determined by the

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Yang di-Pertuan Agong, to any public service of a State, statutory authority, local authority or any organization, in or outside Malaysia.

(2) The Commission may consider an officer of a public service of a State service to be seconded to the public service subject to such conditions and for such term as may be determined by the Yang di-Pertuan Agong.

(3) A statutory authority or local authority may consider an officer of the statutory authority or local authority to be seconded to the public service, subject to the consent of the officer, such statutory authority or local authority and the party to whom the officer is seconded to and any conditions and for such term as agreed by the parties involved.

Temporary transfer

13. An officer who is appointed on a permanent basis may, with the approval of the Commission, be appointed on temporary transfer to any post in the public service, subject to such conditions and for such term as may be determined by the Director General of Public Service.

PART III

RECRUITMENT

Recruitment procedure

14. (1) Any recruitment to a public service shall be advertised in at least one daily Malay language newspaper.

(2) For the purpose of subregulation (1), the advertisement shall state, among other things–

(a) the title of the post and the status of appointment;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) the name of the scheme of service;

(c) particulars of the salary;

(d) the required academic and other qualifications;

(e) the citizenship's status of the applicant;

(f) the closing date for applications; and

(g) the address to which applications should be sent.

(3) Notwithstanding subregulation (1), the Commission may use any other method as it thinks suitable to advertise the recruitment.

Vetting procedure

15. The Commision may implement vetting procedure according to profile or other suitable vetting procedures for the purpose of getting the best candidate to be appointed to the public service.

Particulars of recruitment

16. (1) The Head of Service shall inform the Commission of any required particulars in every recruitment exercise as follows:

(a) the number of vacant posts which need to be filled up;

(b) the number of reserved candidates required;

(c) special conditions, if any; and

(d) the description of the duties and responsibilities of the vacant post.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) If the qualifications or conditions in the scheme of service for the vacant post need to be amended for the recruitment exercise, the Head of Service shall first obtain the approval of the Director General of Public Service before informing the Commission as required by subregulation (1).

Equivalent qualification

17. Where any doubt arises in any scheme of service or advertisement of any vacancies regarding the meaning of qualification which is recognized as equivalent in the required field of the scheme of service, the matter shall be referred to the Director General of Public Service for determination.

Application from an officer

18. An application from a serving officer shall be submitted to the Commission and notified to the Head of Department, and the Commission may acquire the comments of the Head of Department if necessary.

Offer of appointment by the Commission

19. (1) The Commission shall make an offer of appointment to successful candidates either directly or through the Head of Service or the Head of Department by any suitable means as the Commission thinks fit. The Commission shall also inform the unsuccessful candidates.

(2) The Commission may direct the Head of Service or Head of Department to make an offer of appointment to the successful candidates on its behalf, and the Head of Service or the Head of Department who has been so directed shall send to the Commission a copy of the offer letter for appointment issued by the Head of Service or the Head of Department.

(3) Every offer letter for appointment shall set out the information on the service specified by the Commission.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Health examination, statutory declaration and letter of undertaking

20. (1) Every candidate who is to be appointed to the public service shall comply with the following conditions for appointment:

(a) the candidate shall be examined and certified to be fit to serve by a registered medical practitioner; and

(b) the candidate shall make a statutory declaration under the Statutory Declarations Act 1960 [*Act 13*] that he—

(i) does not have any criminal record;

(ii) has never been dismissed;

(iii) is not a drug addict;

(iv) does not possess foreign citizenship;

(v) is not a bankrupt;

(vi) was not medically boarded out; and

(vii) has never been terminated from public service.

(2) The Commission may determine any other declarations apart from the declarations prescribed in paragraph (1)*(b)*, if necessary.

(3) Every candidate shall sign the Letter of Undertaking as specified in the First Schedule that he shall comply with the provisions of the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 [*P. U. (A) 395/1993*], General Orders, circulars, circular letters, regulations and other orders issued by the Yang di-Pertuan Agong from time to

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

time throughout his service in the public service.

(4) An officer who has complied with the conditions of subregulation (1) may be required to comply with those conditions again when appointed to another scheme of service.

(5) The Commission may revoke the offer of appointment if the candidate is found to be unfit after being examined in accordance with paragraph (1)*(a)* or does not comply with any of the conditions mentioned in paragraph (1)*(b)* and subregulation (3).

(6) For the purpose of subregulation (5), any candidate who has already commenced service may be paid any emolument for the period of his service before the offer for service is revoked.

(7) For the purpose of appointments of candidates under subregulation 6(2), the conditions under subparagraphs (1)*(b)*(iv) and (vii) are not applicable to the candidate.

(8) Notwithstanding paragraph 1*(a)*, the Head of Department may direct a serving officer to undergo medical examination or to submit medical report certified by a registered medical practitioner if the Head of Department is of the opinion that it is necessary for the service.

Security vetting

21. An officer who is appointed for the first time or an officer who is appointed to another scheme of service is required to pass the security vetting as prescribed if it is so stipulated in any laws in force.

Acknowledgement of acceptance

22. The Head of Department shall send to the Commission the acknowledgement of acceptance of the offer of appointment from the candidate, together with the

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

certification by the registered medical practitioner, the statutory declaration and the Letter of Undertaking required under subregulations 20(1) and (3) and shall inform the Commission the date the candidate reports for duty.

PART IV

DATE OF APPOINTMENT, INITIAL SALARY AND ANNUAL SALARY MOVEMENT

Date of appointment

23. (1) The date of appointment of an officer to the public service is the date he reports for duty, unless otherwise determined by the Commission.

(2) The Head of Service or the Head of Department shall not accept any officer who reports for duty if the officer has not complied with the conditions for appointment in subregulation 20(1).

(3) For the purpose of subregulation (2), the officer is still subject to the maximum period to report for duty as prescribed by the Commission in the offer letter for appointment.

